

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN**  
**: ATIQULLAH**  
**KAWASAN : KUBANG KERIAN**  
**TARIKH : 9 JUN 2014, ISNIN**

**SOALAN:**

**YB. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH (KUBANG KERIAN)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jalan utama daripada Gua Musang ke Kuala Lumpur, melalui Merapoh, Lipis, Raub dan Bentong antara jalan yang selalu menyaksikan berlakunya kemalangan maut. Bilakah jalan yang lebih luas dan selamat dijangka siap dibina sepenuhnya untuk mengatasi masalah ini.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop projek membina dan menaik taraf Jalan Persekutuan Central Spine melibatkan laluan Jalan Persekutuan 8 (FT08) dari Bentong-Raub-Lipis-Gua Musang-Kuala Krai-Kota Bharu sepanjang 390km. Pelaksanaan projek bernilai RM6 bilion ini telah diluluskan secara berperingkat mulai RMKe-10. Projek ini telah dipecahkan kepada 9 pakej, iaitu 6 pakej melibatkan laluan dari Bentong ke Kuala Krai dan 3 pakej lagi di laluan Kuala Krai ke Kota Bharu.

Dalam RMKe-10 ini, keutamaan Kerajaan ialah untuk melaksanakan projek membina dan menaik taraf di Kuala Lipis terlebih dahulu. Ini kerana laluan tersebut dikenal pasti sebagai kawasan yang kerap berlaku kemalangan (blackspots area). Setakat ini sepanjang 13.1km jalan baru telah siap dibina dan dibuka kepada lalu lintas di kawasan tersebut, iaitu dari Kg. Kubang Rusa ke Felda Chegar Perah 2. Manakala 24km lagi – iaitu dari Felda Chegar Perah 2 ke Felda Telang dan ke Kg. Kechur, Kuala Lipis – dijangka akan disiapkan secara berperingkat, selewat-lewatnya pada pertengahan tahun 2015.

Pakej-pakej lain pula akan ditender dan dilaksanakan dalam tempoh RMKe-11, tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Agensi Pusat.

Sekian. Terima kasih.